

PENGARANG DAN EKSPRESI KEPENGARANGAN DALAM KARYA HISTORIOGRAFI MELAYU

Rahimah Hamdan

Pengenalan

Daya fikir dan bakat kepengarangan yang mendahului zaman meletakkan pengarang Melayu tradisional sebagai manusia istimewa pada zamannya. Dalam al-Quran (Al-Mujadalah: 11) Allah telah menjanjikan kedudukan dan darjat yang tinggi kepada makhluknya yang beriman dan berilmu. Sehubungan itu, keimanan yang teguh kepada Pencipta dan kesetiaan terhadap pemerintah meletakkan pengarang Melayu tradisional sebagai individu yang disegani oleh masyarakat sezamannya.

Pengarang Melayu tradisional bukanlah individu yang hanya menulis suatu “omongan kosong” tentang zamannya. Yang dicatat adalah perkara yang benar-benar berlaku berteraskan konsep pemikiran dan *horizon of expectation* masyarakatnya. Dalam soal ini Muhammad Hj. Salleh menyatakan:

Thus we must return as much as possible to the reality of the author's time, try to look at history as he did, judge events with his worldview, and evaluate people with his values. The shape of his reality was dependent on the fabric of his views and attitudes.

(Mohamad Hj. Salleh, 1991 : 5)

Seorang pengarang memikul tanggungjawab yang berat kerana selain bertindak sebagai pelapor dan pencatat kepada raja, ia juga merupakan “wakil” masyarakat sezamannya. Fenomena ini memperlihatkan daya kepengarangan pengarang Melayu tradisional yang kreatif berbeza dengan gaya penulisan kini, terutamanya kemampuan mengolah karyanya demi memuaskan hati kedua-dua pihak.

Sebagai seorang hamba raja, pengarang wajib berpegang teguh kepada titah perintah penaungnya. Hal ini sejajar dengan konsep taat setia dan pantang derhaka yang memerlukan pengarang memenuhi segala tuntutan dan arahan raja. Sebagai seorang rakyat biasa yang mewakili golongan marhaen, ia menyelitkan cerita-cerita simbolisme dan sindiran di sebalik laporan yang ditulisnya sebagai tanda protes terhadap raja dan pemerintahan baginda melalui cara yang paling halus.

Tujuan Kepengarangan

Pengarang karya historiografi Melayu tradisional adalah golongan intelektual. Mereka

terikat dengan kongkongan feudalisme Melayu dengan hak status quo golongan istana perlu dikekalkan serta dipertahankan. Mereka tidak menulis tanpa hala tuju, sebaliknya mengarang berteraskan tujuan tertentu. Dalam penulisan sastera sejarah, terdapat empat sifat kepengarangan Melayu tradisional, iaitu:

- 1 Menonjolkan kebanggaan
- 2 Memperlihatkan sindiran sebagai protes
- 3 Mengemukakan pengajaran dan pedoman
- 4 Membuktikan keintelektualan bangsa

Berdasarkan sifat-sifat di atas, satu interpretasi boleh dibuat bahawa sesebuah hasil penulisan sastera sejarah ditulis untuk kepentingan golongan tertentu. Golongan tersebut meliputi raja dan pemerintahannya, para pembesar, rakyat jelata (golongan marhaen), dan diri pengarang itu sendiri. Buktinya, seperti kata-kata pengarang Syair Sultan Maulana yang mengungkapkannya seperti di bawah:

Sekadar maklum duli makota
perintah hamba sahaya semata
masing kerja baik dan leta
barang perintah di situlah nyata.

(Muhammad Yusof Hashim, 1980 : 158)

Kebanggaan

Berpandukan pernyataan di bawah, dapatlah dibuktikan bahawa tujuan asas penulisan karya historiografi Melayu tradisional adalah untuk “menyukakan hati raja” atau sultan sebagai penaung. Senario ini bertepatan dengan kedudukan pengarang sebagai “hamba raja yang berpayung di bawah naungannya”.

Titah Yang Mulia itu, “Bahawa Beta minta perbuat hikayat pada Bendahara peri persetua dan peri pertuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali: supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkan oleh mereka itu; syahdan beroleh faedahlah daripadanya.”

Setelah fakir allazi murakkabun ‘ala jahlihi (mendengar titah yang mulia itu), maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia, syahdan mohon taufik ke hadrat Allah, Tuhan sani’l’alam dan minta huruf pada Nabi sayidil-anam, dan minta ampun kepada sahabat yang akram; maka fakir karanglah hikayat ini, Kama sami’tuhu min jaddi wa abi, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda ...”

(A. Samad Ahmad [peny.], 1979 : 3)

Sehubungan itu, Tun Seri Lanang sedar bahawa beliau harus mengarang Sejarah Melayu setelah diminta oleh Sultan Alauddin Riayat Syah berdasarkan beberapa fungsi tertentu, terutamanya menonjolkan keturunan Raja-raja Melaka sebagai susur galur raja-

raja Johor. Secara tidak langsung, perasaan “bangga” lahir dalam jiwa pemerintah menerusi paparan kejadian asal-usul keturunan mereka.

a) Asal-usul Raja

Demi menyukakan hati sultan atau raja sebagai penaung sesebuah negara kota, asal-usul keturunannya perlu diperbesarkan. Sebelum Tun Seri Lanang mengarang karya historiografi ini, beliau meyakinkan para pembaca bahawa raja-raja Melaka yang menjuraikan nisab keturunan sehingga kepada kerajaan Johor itu sebenarnya berasal dari Bukit Seguntang di Gunung Mahameru:

... kepada masa Johor alah diserang Jambi, pacal datuk dikurniai ayahanda itu membaca Hikayat Melayu oleh baginda (Sultan Abdullah Ma’ayah Syah) tajalli dari Bukit Seguntang turun ke Palembang lalu ke Bentan lalu ke Singapura, maka alah Singapura oleh Jawa Majapahit, lalu ke Melaka, alah Melaka oleh Peringgi, berbalik pula ke Bentan, dari Bentan lalu ke Johor.

(Ibid : 3)

Pernyataan Tun Seri Lanang memberi konotasi terhadap tujuan utama Sejarah Melayu ditulis, sebagaimana pendapat Snouck Hurgronje iaitu:

Raja-raja dan keluarga-keluarga terkemuka inginkan satu dokumen yang mengesahkan turunan bangsawan mereka, kejayaan bakti gemilang yang telah dilakukan oleh nenek moyang mereka, perhubungan kerajaan-kerajaan mereka dengan kerajaan-kerajaan lain.

(Ibid : 324)

Ternyata bahawa tema yang menjadi pusat penulisan Sejarah Melayu adalah tentang kebesaran negeri, keagungan raja dan pembesarnya di samping kecerdikan mental dan kebolehan fizikal orang-orang Melayu di Melaka. Menurut Raja Ali Haji, tujuan utama *Tuhfat al-Nafis* dikarang adalah untuk menerangkan asal-usul keturunan Raja-raja Melayu bagi pihak Johor Bugis dan Siak serta pertalian darah antara mereka agar mudah difahami oleh generasi akan datang. (Matheson, 1982 : 1-2). Karya historiografi Melayu sering memperlihatkan raja sebagai individu yang berasal dari negeri asing, berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat lain sehingga akhirnya tiba ke sebuah negeri tempat kerajaannya akan bermula serta “bermastaunin” (Siti Hawa Hj. Salleh, 1992 : 144).

Asal-usul raja digambarkan oleh pengarang sebagai insan terpilih yang berasal dari tempat terpilih malah membuka negeri baru di tempat terpilih juga. Fenomena ini menyebabkan lahirnya perasaan megah dan bangga di kalangan rakyat bahawa raja mereka adalah daripada keturunan yang mulia dan suci. Justeru, hal ini memperlihatkan seolah-olah golongan istana ini ingin menyalurkan propaganda feudalistik melalui cerita-cerita yang mengagungkan jurai keturunan mereka (Jamilah Hj Ahmad [peny.], 1981 : 104).

Tinjauan terhadap teks historiografi Sejarah Melayu menunjukkan bahawa rajanya merupakan orang luar, dan bukan peribumi asal negeri yang dibukanya. Malahan turut dipaparkan tentang asal-usul raja secara mendalam dengan disulami oleh mitos dan lagenda yang dianggap suci oleh masyarakat zaman silam sebagaimana dinyatakan oleh

Snouck Hurgronje, “Oleh sebab imaginasi mereka tidak dikongkong oleh syarat-syarat yang amat ketat ketika mencipta peringatan seperti itu, apa sahaja mitos boleh digunakan untuk memperindahkan jurai keturunan mereka.” (Ras [peny.], 1990 : 16).

Sejarah Melayu memperlihatkan keturunan raja-raja Melayu Melaka daripada tokoh lagenda Islam yang masyhur dalam kesusasteraan Melayu Islam, iaitu Iskandar Zulkarnain. Keturunan daripada Iskandar Zulkarnain bermula apabila raja dari Macedonia itu menjelajah dan menakluki negeri Hindu serta berkahwin dengan Puteri Syahrul Bariyah. Melalui perkahwinan ini, lahir keturunannya sehingga kepada Raja Suran yang seterusnya memancarkan jurai keturunan Raja Iskandar Syah, tokoh diraja pertama yang berasal dari Palembang dan merajai Melaka. Nyatalah bahawa unsur-unsur mitos dan lagenda diolah oleh pengarang demi mengagungkan raja Melaka sebagai “aja paling berdaulat” di Nusantara.

Hikayat Banjar juga menyatakan asal-usul rajanya dari luar bumi Banjar dan Kota Waringin. Bukti ini, Resensi 1 memperlihatkan penghijrahan anak saudagar kaya di negeri Keling, iaitu Ampu Jatmaka ke tempat lain demi mematuhi wasiat ayahnya. Pencarian seorang raja berakhir apabila putera-puteranya, iaitu Ampu Mandastana dan Lambu Mangkurat berjaya menemui bakal “raja” mereka menerusi pertapaan. Pendek kata, *Hikayat Banjar* menjelaskan bahawa raja sesebuah negeri kepada tempat yang dipilih tidak terdiri daripada penduduk yang mendiami tempat itu.

Hujah ini, diperkuatkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* apabila susur galur rajanya adalah berasal dari Rom, iaitu Raja Merong Mahawangsa (Ali Ahmad, 1987 : 90). Pada awalnya, Merong Mahawangsa dititahkan oleh Raja Rom untuk menghantar puteranya ke China supaya dapat dikahwinkan dengan Puteri China. Kemudian setelah beberapa peristiwa berlaku, baginda merajakan anaknya, Merong Mahapudisat sebagai Raja Langkasuka atau Kedah Zamin Turan. Realitinya, pengarang cuba memasukkan mitos dan lagenda “orang luar” sebagai asal-usul raja negerinya supaya lahir rasa kemegahan dan kebanggaan di sanubari para sultan bahawa baginda adalah daripada keturunan “berbangsa” dan agung di dunia. Sesungguhnya, unsur mitos dan lagenda yang dimasukkan oleh pengarang adalah untuk mengisi ruang vakum tentang asal-usul rajanya dengan cara terbaik demi menyukarkan raja sebagai penaung.

Pengarang *Sejarah Melayu* berjaya menggabungkan dua tokoh agung dunia demi menimbulkan rasa kebanggaan tersebut. Raja Suran sebagai tokoh mitos kedua terbesar dikatakan telah masuk ke dalam laut dan berkahwin dengan Puteri Mahtabul Bahri sebagai Puteri Negeri Bersam serta melahirkan tiga orang putera. Seterusnya dinyatakan peristiwa Raja Suran bertemu Raja Jin, iaitu Asmaghayah Peri dan meminta baginda membuat tiga mahkota untuk putera-puteranya sebagai tanda kebesaran bahawa mereka berasal daripada Iskandar Zulkarnain. Kebesaran Raja Suran diperhebatkan dengan peristiwa baginda keluar dari laut dengan menunggang kuda terbang bernama Faru’sul Bahri.

Cerita asal-usul raja dikembangkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* dengan menyatakan bahawa Nila Pahlawan, Krisyna Pendita, dan Nila Utama tiba di Bukit Seguntang dengan menaiki seekor lembu putih. Keajaiban mereka diperbesarkan apabila padi yang ditanam oleh Wan Empuk dan Wan Malini berbaukan emas, berdaun perak, dan berbatangkan suasa sebagai kesan daripada kedaulatan ketiga-tiga anak raja ini. Kebesaran Nila Utama pula diperlihatkan apabila baginda mampu menawarkan air masin. Malahan upacara penobatannya tidak dilakukan oleh manusia biasa, tetapi Batala yang keluar daripada muntah lembu.

Penggunaan tokoh-tokoh Iskandar Zulkarnain dan Raja Suran adalah untuk menunjukkan bahawa keturunan Raja-raja Melayu berasal daripada dua tokoh agung ini.

Pengarang dan Ekspresi Kepengarangan dalam Karya Historiografi Melayu

Malah menurut sumber sejarah yang sahih, Iskandar Zulkarnain adalah merujuk kepada Alexander The Great, iaitu seorang tokoh Islam ternama yang keagungannya menyebarkan Islam tergambar dalam al-Quran (Surah al-Kahfi : 83-101). Raja Suran pula menurut buku ukiran yang terdapat di Tanjore, India ialah Raja Chola yang pernah menyerang Malaya pada tahun 1017 hingga 1024 Masihi (Hsu Yun Tsiao, 1966 : 450).

Cara penulisan yang sedemikian menunjukkan betapa besar dan tingginya darjat keturunan raja-raja Melaka dan secara langsung telah dikaitkan dengan tokoh-tokoh jin, lembu dan Batala, watak mitos Mahtabul Bahri serta pelbagai tokoh dari laut dan kayangan. Secara tidak langsung, penceritaan sebegini dapat membuktikan bahawa raja-raja Melayu memang berdarah suci kerana berasal daripada tokoh-tokoh ajaib dalam sejarah serta peradaban manusia.

Hikayat Banjar juga memaparkan asal-usul rajanya daripada buluh betung, puteri yang ditemui dalam buih dan putera yang keluar dari matahari. Perkahwinan di antara anak raja yang berasal dari buih (air) dengan putera dari matahari (api) melambangkan pengembangan dua daripada empat kosmos semula jadi, iaitu matahari dan air. Tidak ada pengembangan kuasa yang lebih gagah dalam ruang kosmologi Melayu melainkan percantuman unsur-unsur kosmologi tersebut. Ini meletakkan asal-usul raja-raja Melayu di puncak tertinggi jika dibandingkan dengan raja-raja lain di muka bumi ini.

Menurut Siti Hawa Hj. Salleh, jika asal-usul raja terdiri daripada golongan masyarakat tempatan seperti Merah Silu dalam *Hikayat Raja Pasai*, maka kekuatannya sebagai pemerintah terletak kepada sifat-sifat aneh dan kebolehan istimewa yang tidak dipunyai oleh individu lain (Siti Hawa, 1992: 145). Misalnya, peristiwa Merah Silu memperoleh cacing-cacing gelang yang bertukar kepada warna emas dan berbuah perak.

Pengarang karya historiografi Melayu terus menyukakan hati rajanya dengan mengaitkan peranan beberapa binatang tertentu dalam mitos asal-usul. Contohnya, Gajah Bujang Sekalis yang muncul dalam peristiwa menentukan kehadiran seorang putera raja dalam *Hikayat Raja Pasai*, Gajah Pulang Sehari dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, dan Lembu Suana dalam *Hikayat Banjar*. Binatang lain yang hadir secara stereotip dalam teks-teks sastera sejarah adalah naga, geroda, kuda, dan lain-lain yang seringkali mendapat tempat khas sebagai penyelesaian masalah atau penyebab lahirnya seseorang tokoh yang berkait dengan pembentukan sesebuah dinasti.

Tujuan penulisan sastera sejarah adalah untuk memperbesarkan asal-usul raja daripada keturunan berbangsa yang dianggap mulia sehingga mampu menguatkan “daulat dan derhaka” dalam jiwa dan *world view* masyarakat Melayu pada zaman itu. Tambahan pula, konsep ketulungan muncul sebagai merestui kepercayaan dan tradisi pemikiran mereka.

b) Asal-usul Negeri

Kebanggaan para raja semakin terserlah sekiranya asal-usul negeri yang ditemui oleh nenek moyangnya diperkatakan dalam karya sastera sejarah. Apakah lagi jika negeri tersebut maju dan berkembang sehingga masyhur dan luas empayarnya di Alam Melayu. Oleh itu, penceritaan asal-usul sesebuah negara kota dapat mempertingkat pandangan masyarakat luar bahawa negeri baginda merupakan tempat terpilih untuk diterokai dan didiami berdasarkan beberapa kejadian ajaib yang berlaku ketika penemuan tempat tersebut, misalnya asal negeri Pasai dalam *Hikayat Raja Pasai*. Satu peristiwa ganjil telah berlaku apabila anjing Sultan Malikul Salleh disalak oleh seekor pelanduk. Kemudian, kedua-dua binatang itu berdakap-dakapan. Pengalaman ini turut sama dirasai oleh Raja

Iskandar Syah dalam Sejarah Melayu serta pembukaan negeri Patani dalam Hikayat Patani yang menyaksikan pengarangnya mengolah cerita menurut gaya yang sama.

Hikayat Banjar memperjelas peristiwa pembukaan negeri Banjar. Saudagar Mangkubumi menasihati puteranya, Ampu Jatmaka supaya meninggalkan negeri Keling dan membuka sebuah negeri baru. Berbekalkan ilmu untuk menentukan tempat yang baik berbuat negeri, Ampu Jatmaka mengambil segenggam tanah pada waktu dinihari. Tanah yang panas dan berbau harum membawa alamat keberkatan tempat itu untuk dibuat negeri. Pengarang meletakkan unsur “bau harum” dan “rasa panas” untuk melambangkan kemasyhuran dan kegemilangan tempat tersebut jika didirikan kerajaan. Siti Hawa Hj. Salleh berpendapat bahawa pilihan sesuatu daerah atau kawasan untuk dijadikan negeri tidak sahaja berdasarkan sesuatu peristiwa atau seseekor binatang “ganjal” yang ditemui, tetapi juga sifat tanah atau bumi itu sendiri (*Ibid*).

Menurut Yusoff Iskandar, pengarang karya historiografi Melayu tradisional bersungguh-sungguh memasukkan mitos berkenaan sebagai jalan untuk mencipta suatu bentuk *divinity of kingship* yang dalam bidang ketatanegaraan, raja bukan sahaja dipanggil pemerintah bahkan sebagai pemilik mutlak sesebuah kerajaan (Yusoff Iskandar, 1977).

Oleh sebab raja lah individu yang menjumpai seterusnya mengasaskan sesebuah negeri atau kerajaan, sewajarnya keagungan dan kebesaran taraf seseorang raja itu bergantung kepada bagaimana cara negeri tersebut diasaskan. Jika lebih ajaib sesebuah kerajaan itu terasas, maka lebih mulialah taraf raja yang mengasaskannya. Raja selaku penaung akan terus berbangga di atas kebijaksanaan nenek moyangnya memilih dan mengasas negara tersebut. Secara tidak langsung keabsahan raja sebagai pemerintah yang berdaulat di mata rakyatnya meningkat.

c) Jurai Keturunan Raja

...berbangkitlah hatiku memperbuat kitab ini yang simpan, dan
di dalamnya menyatakan silsilah dan perjalanan dan tawarikh
dan segala khabar-khabar daripada kisah Raja-raja Melayu
serta Bugis dan kepada segala anak-anak mereka itu.

(Matheson, 1982 : 1)

Petikan di atas membuktikan tujuan sesebuah karya historiografi itu ditulis adalah untuk memaparkan salsilah jurai keturunan raja-raja Melayu supaya terus diingati oleh generasi terkemudian. A. Samad Ahmad pula menyatakan, “Dalam persoalan ini, selain daripada pengertian “peraturan” itu ada dua kemungkinan lagi, iaitu Pertama, mungkin perkataan “pertuturan” pada zaman itu digunakan dalam Bahasa Melayu sebagai istilah yang bermaksud “Salasilah” dalam bahasa Arab ... (A. Samad Ahmad, 1979 : xxvii). Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin bermakna “Pertuturan Segala Raja-raja’ yang akan menyatakan salasilah dan susurgalur raja-raja Melayu Melaka” (*Ibid*).

Pengarang memperlihatkan jurai keturunan raja-raja mengikut kekreatifannya berlandaskan kepercayaan masyarakat terhadap unsur mitos dan lagenda, terutama tentang jurai keturunan awal yang kabur identitinya. Walau bagaimanapun, semakin hampir kepada zaman terakhir, nama-nama tersebut semakin dikenali dan terbukti kesahihannya. Sebagaimana dalam Sejarah Melayu digambarkan Raja Suran, Krisyna Pendita, Nila Pahlawan yang menyerupai nama dalam Hindu manakala Demang Lebar Daun, Raja Kecil Besar dan Puteri Tanjung Buih adalah contoh yang memperlihatkan nama-nama tempatan bagi masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam.

Justeru, jurai keturunan raja-raja memerintah memainkan peranan utama demi membuktikan sesebuah hasil karya itu adalah karya historiografi Melayu tradisional. Misalnya, Hikayat Merong Mahawangsa dipertikaikan nilai sejarahnya oleh para intelektual Barat kerana unsur dongeng dan fantasi yang turut sama terangkum di dalamnya. Tetapi, oleh sebab wujud satu laporan tentang jurai keturunan raja-raja Kedah pada bahagian akhir (kolofon) hikayat tersebut menyebabkan karya ini diterima sebagai satu genre sastera sejarah dalam dunia epistemologi Melayu. Hal ini tergambar menerusi petikan di bawah:

Kemudian puteranya namanya Sultan Muhammad Syah, dan puteranya itu namanya Sultan Muzaffar Syah, dan puteranya itu namanya Sultan Mahmud Syah dan puteranya itu namanya Sultan Sulaiman Syah iaitu Marhum yang mangkat di negeri Aceh dan puteranya itu namanya Sultan Rijaluddin Muhammad Syah, iaitu Marhum Naka, puteranya itu namanya Sultan Muhyiddin Mansur Syah iaitu Marhum Sena

(Siti Hawa Hj. Salleh, 1991 : 115)

Raja Melayu akan merasa bangga dan gembira sekiranya jurai keturunannya disusurgalurkan serta dicatat daripada raja yang awal sehingga lah yang terakhir dalam dinasti agar dapat dijadikan bahan bukti terhadap zaman kegemilangan mereka sebagai pemerintah sesebuah negara kota. Hikayat Sultan Aceh Marhum mencatatkan peristiwa hubungan Timur Tengah dengan Nusantara, terutamanya melalui peristiwa penghantaran utusan bagi mendapatkan bantuan tentera dan senjata daripada Turki untuk menentang Portugis (Ali Ahmad, 1980 : 47). Catatan ini melaporkan bahawa kejadian ini telah berlaku pada zaman Sultan Alauddin Riayat Syah Al-Kahar (946 hingga 975 Hijrah). Oleh itu, dapatlah dibuktikan bahawa penulisan jurai keturunan raja dalam genre sastera sejarah, secara tidak langsung telah dilaporkan kejayaan yang pernah dicapai oleh raja-raja Melayu terdahulu dalam zaman pemerintahan masing-masing. Malah, penceritaan ini membanggakan para sultan atas kegemilangannya sebagai “Raja berbangsa”. Rakyat juga mampu berbangga kerana dapat mengetahui kisah kecemerlangan pemerintah-pemerintahnya terdahulu walaupun disampaikan secara lisan. Natijahnya, pencatatan ini dapat dijadikan sebagai bahan bukti bagi meningkatkan kedaulatan mereka sebagai pemerintah sesebuah kerajaan di bumi Melayu ini.

d) Kehandalan dan Kebijaksanaan Rakyat

Raja berasa bangga sekiranya kisah kepahlawanann, kehandalan, dan kebijaksanaan rakyatnya dicatatkan dalam sesuatu karya penulisan. Senario ini bukan sahaja akan membentangkan kebolehan spiritual dan fizikal yang dipunyai oleh masyarakat Melayu pada zaman silam, tetapi mempunyai hubungan dengan kebesaran dan keagungan sesebuah kerajaan itu sendiri (*Ibid* : 886). Sekaligus, ini membuktikan keampauhan dan keteguhan sesebuah negara kota yang amat bergantung kepada kekuatan fizikal dan mental rakyatnya.

Sejarah Melayu memperlihatkan Badang sebagai tokoh rakyat yang gagah dari Seluang sewaktu pemerintahan Raja Singapura. Kekuatan aneh yang diperolehi olehnya setelah memakan muntah hantu menyebabkan ia dilantik oleh Raja Singapura sebagai Raden dan hulubalang istana. Kemasyhuran Badang sebagai hamba raja di Singapura begitu terserlah hingga tersebar beritanya ke benua India dan Perlak. Kesahihan Badang

sebagai pahlawan yang gagah perkasa terbukti apabila beliau dapat mengalahkan pahlawan benua Keling, iaitu Nadi Bijaya Pikrama dan Benderang dari Perlak. Pengarang Sejarah Melayu sengaja mewujudkan tokoh lagenda ini untuk menunjukkan kekuatan mental dan fizikal masyarakat Melayu di Singapura pada zaman tersebut. Seterusnya, fenomena ini membuatkan raja sesebuah negara kota berasa bangga dan gembira dengan paparan kehandalan hamba rakyatnya yang ditonjolkan dalam teks sastera sejarah. Tanpa disedari, peristiwa ini dapat melambangkan kegemilangan, keagungan dan kebijaksanaan baginda dalam mentadbir negeri.

Selanjutnya diceritakan tentang ketangkasian dan kepahlawanan Hang Tuah. Pengarang mewujudkan tokoh lagenda ini untuk melambangkan ketokohan orang Melaka keseluruhannya. Misalnya, peristiwa Hang Tuah dapat mengalahkan orang Jawa yang mengamuk sehingga membawa pelantikan beliau sebagai Laksamana Melaka seperti berikut:

Adapun akan Laksamana Hang Tuah barang tempat ia pergi, gegak gempita bunyi orang daripada hebat sikap lakunya. Jika ia di peseban, peseban gempar; jika ia di panggungan, panggungan gaduh dan segala perempuan Jawa anak-anak dara, jikalau ia berjalan ke pasar atau barang ke mana, banyaklah yang gila akan Hang Tuah itu, dan apabila Hang Tuah lalu, perempuan di dalam pangkuan lakinya itu pun bangun hendak melihat Hang Tuah; itulah dipantunkan Jawa

Pengarang sengaja memperbesarkan ketokohan legenda Hang Tuah dalam usaha menggambarkan kelebihan yang dimiliki oleh masyarakat Melaka berbanding orang-orang Jawa. Scenario ini akan menerbitkan rasa bangga di hati raja sebagai penaung kerana memiliki pahlawan yang terbilang dan ternama sehingga dikagumi oleh masyarakat tempatan dan luar. Begitu juga dengan tindak-tanduk Tun Bija Sura yang memperlihatkan kebijaksanaannya ketika berada di Majapahit. Kecerdikan dan ketangkasian orang-orang Melaka telah dipuji oleh Betara Majapahit dengan menyatakan, “Adapun orang Melayu ini terlalu cerdik daripada segala orang negeri lain, pada sebarang permainan pun tewas juga orang lain oleh orang Melaka.” Malah, beliau juga mengakui bahawa, “... terlalu cerdik orang Melaka ini, tidak tersemu oleh kita” (*Ibid* : 19).

Kehadiran Hang Tuah dalam *Sejarah Melayu* berjaya memperkuatkan lagi konsep daulat, taat, dan derhaka dalam masyarakat Melayu. Tokoh ini lahir sebagai lambang kepada keutuhan pegangan ketiga-tiga konsep di atas sehingga sanggup mengorbankan rakan karibnya sendiri yang dianggap penderhana. Malah, kerana ketaatan yang tidak berbelah bahagi beliau sanggup masuk ke dalam perigi najis untuk mengeluarkan kuda raja.

Tokoh Tun Beraim Bapa pula ditemui dalam *Hikayat Raja Pasai* sehingga dikatakan kekuatan Pasai bergantung kepada tokoh ini. Sultan Ahmad amat menyesal di atas kematian Tun Beraim Bapa apabila Pasai dilanggar oleh Majapahit. *Hikayat Aceh* pula berbangga dengan tokoh legenda Raja Iskandar Muda Mahkota Alam, manakala *Hikayat Merong Mahawangsa* begitu berbesar hati dengan tokoh Raja Merong Mahawangsa yang rela berjuang untuk menentang unsur jahat dan mempertahankan unsur baik.

Malah diperlihatkan ikatan yang kuat antara para pembesar demi menjamin keteguhan negara. Buktinya dalam *Sejarah Melayu* apabila berlaku pergeseran antara Hang Tuah dengan Tun Perak. Tun Perak selaku bendahara memainkan peranan utama dalam menangani masalah ini. Tambahan pula, berkat kebijaksanaan tokoh bendahara ini, Hang Tuah meminta maaf di atas segala kesilapan serta mengakui ketokohan beliau sebagai pembesar yang berkarisma. Peristiwa itu akan menyukakan hati raja kerana kekuatan dan kebesarannya amat bergantung kepada persefahaman dan kesepakatan para pembesar serta hulubalangnya. Sesungguhnya, kedaulatan seseorang raja berkesinambungan dengan kebijaksanaan dan keperwiraan rakyat yang dinaungi demi melahirkan sebuah empayar yang gemilang.

e) **Kejayaan Raja Berbanding Zaman Sebelumnya**

Raja atau sultan inginkan satu laporan yang boleh merakamkan kejayaan-kejayaan atau kebijaksanaannya meluaskan empayar mengatasi raja sebelumnya. Fenomena ini dapat dibuktikan dalam *Bustanus Salatin* karangan Nuruddin al-Raniri, yang menerangkan bahawa karangan tersebut telah dilaksanakan atas perintah Sultan Iskandar Thani.

Sekiranya beliau tidak memperkatakan tentangnya, kita dapat membuat interpretasi sendiri berdasarkan Bab II Fasal 13 apabila beliau terlalu menyanjung sultan tersebut sehingga mengetepikan raja-raja Aceh yang lain. Walau bagaimanapun, beliau juga menyebut tentang raja yang pertama memeluk agama Islam. Namun Nuruddin langsung tidak berusaha untuk memberi keterangan dengan lebih terperinci tentang peristiwa tersebut, tetapi lebih banyak memperkatakan mengenai Sultan Iskandar Thani. *Hikayat Aceh* juga meriwayatkan tujuan utama karya ini ditulis semata-mata untuk mengagungkan Perkasa Alam. Ketika baginda berusia 10 tahun, ia menyelamatkan maruah nendanya di hadapan utusan Raja Portugal. Digambarkan juga bagaimana Perkasa Alam mampu mengendalikan kuda yang dibawa oleh utusan Raja Portugal itu.

Karya sastera sejarah turut memperkatakan tentang ketokohan seorang raja berbanding raja sebelumnya seperti dalam *Misa Melayu* yang banyak memperlihatkan karisma Sultan Iskandar .Realitinya, pengarang lebih banyak menumpukan perhatian kepada zaman pemerintahan baginda. Malahan, turut diriwayatkan ketokohan raja tersebut sejak menjawat jawatan Raja Muda. Pengarang menggunakan sudut pandangan orang Belanda untuk menyatakan ketokohan Sultan Iskandar:

Setelah sampai Holanda itu ke hujung balai, maka sekaliannya mengangkat cepiaunya lalu tunduk hormat ke bawah duli baginda. Demi ia terlihatkan maka baginda dan memandang segala raja-raja dan orang-orang besar dan melihat kebesaran baginda itu dan memandang laku dan sikap segala hulubalang dan juak-juak baginda itu terlalu hebatnya, maka dashyat hati segala Holanda itu serta ngerinya dan gentarnya akan baginda itu.

(Misa Melayu, 1962 : 64)

Pengarang *Sejarah Melayu* turut memaparkan kebijaksanaan pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah sebagai membuktikan kecemerlangan baginda dalam mentadbir negara. Keberanian baginda sultan keluar menyamar bagi menangani masalah kecurian memperlihatkan keunggulan baginda sebagai raja yang berdaulat dan disegani berbanding raja-raja sebelumnya. Maka dapatlah dibuktikan bahawa karya sastera sejarah seakan-

akan satu laporan yang berupaya merakamkan kejayaan-kejayaan dan kebijaksanaan raja yang disanjung mengatasi raja-raja sebelumnya demi menyukakan hati raja yang memberi titah perintah tersebut.

f) Cara Pengislaman

Perkara lain yang mampu menyukakan hati raja adalah menerusi peristiwa pengislaman yang dicatatkan. Ketika itu, peristiwa pengislaman merupakan satu “kenaikan prestij” bagi pemerintah sebagai ‘Raja berdaulat’. Pengarang menyorot dengan teliti kisah kedatangan Islam dan menjadikannya bahagian yang penting dalam karya historiografi. Pengarang karya sastera sejarah memasukkan unsur mimpi sebagai medium pengislaman seseorang raja sehingga berjaya meletakkan raja di tahap tertinggi dalam strata masyarakat. Fenomena ini bertepatan dengan pemikiran masyarakat Melayu pada zaman tradisional yang menganggap raja sebagai Khalifah Allah (zaman Islam) di mana tarafnya sangat agung.

Sebagai Khalifah Allah s.w.t, cara pengislaman raja mestilah berlainan dengan golongan marhaen. Justeru, pengarang memasukkan Nabi dalam mimpi untuk mengislamkan seseorang raja. Satu pengalaman baru kepada raja terbit hasil dari pertemuan tersebut seperti baginda telah tahu mengucap, membaca Al-Quran dan berkhatan. Senario ini menggambarkan kebesaran raja yang seakan-akan setaraf dengan ‘manusia pilihan’ Allah s.w.t. Walaupun raja tidak mencapai taraf kenabian, namun baginda merupakan insan terpilih di dunia ini yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk diislamkan sebagaimana yang berlaku kepada Merah Silu dalam *Hikayat Raja Pasai*.

Khalifah Mekah menyuruh Syeikh Ismail belayar dan mengislamkan Samudera bagi memenuhi wasiat Rasullullah s.a.w. Ketika dalam pelayarannya, Syeikh Ismail singgah di Menggiri dan Sultan Menggiri, iaitu Sultan Muhammad sanggup turun dari takhta serta mengikuti rombongan Syeikh Ismail menuju ke Samudera. Namun, Merah Silu terlebih dahulu telah bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w. sebelum Syeikh Ismail tiba di negerinya. Natijahnya, karya sastera sejarah ingin membuktikan bahawa Nabi sendiri telah mengislamkan Raja Melayu Samudera. Apabila Syeikh Ismail tiba di negeri tersebut didapati Merah Silu telah mampu mengucap dan membaca Al-Quran. Oleh itu, fenomena ini memperjelas keadaan bahawa Syeikh Ismail dan Fakir Muhammad hanya mengislamkan rakyat Samudera dan bukannya pemerintah mereka. Secara tidak sengaja, penceritaan ini mengabsahkan kedudukan raja sebagai pemerintah berdaulat kerana diislamkan oleh Rasul sendiri dan bukan wakil yang diwasiatkan oleh baginda.

Pengislaman raja-raja Melayu juga dikemukakan dalam *Sejarah Melayu* melalui pengislaman Raja Kecil Besar. Raja sentiasa diletakkan pada tahap tertinggi kerana diislamkan oleh Nabi sendiri. Fenomena ini diperjelaskan apabila baginda bermimpi bertemu dengan Rasullullah s.a.w. dan berlaku beberapa keajaiban setelah baginda bangun dari beradu. Berbanding dengan karya-karya historiografi lain, kedatangan agama Islam dalam sesebuah negara memberi satu peningkatan prestij kepada raja dan negara seperti yang tertera dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja Pasai*. Malahan mewujudkan apa yang dinyatakan oleh Teeuw sebagai *combat de prestij* dalam usaha meletakkan negara kota mereka sebagai negara Islam yang unggul (Yusof Iskandar & Abd. Rahman Kaeh, 1985 : 56). Realitinya, penulisan begini menyukakan raja kerana berjaya meningkatkan kedudukannya berbanding dengan raja-raja negeri lain, pembesar serta rakyat jelata.

g) Penerusan Adat-istiadat

Petikan “Minta diperbuat hikayat pada Bendahara, peraturan segala raja-raja Melayu dan adat istiadatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dan diketahuinalah segala perkataan ...’ dalam *Misa Melayu* memperjelaskan bahawa raja sebagai pemerintah meminta diperbuat satu catatan daripada para pengarang dan pujangga Melayu istana supaya segala salsilah raja-raja Melayu dan adat-istiadatnya dapat diperturunkan kepada generasi akan datang. Sekali gus, ia dapat menjadi amalan hidup yang tidak lapuk ditelan zaman. Sehubungan itu, melalui laporan yang dicatatkan, segala sesuatu yang tertera dalam adat-istiadat dan pantang larang dapat dihidupkan kembali dalam jiwa generasi akan datang.

Mohd. Taib Osman menegaskan bahawa apa yang dipaparkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* adalah lebih daripada sebuah sejarah kerana teks ini merupakan satu lukisan kebudayaan Melayu (*Ibid* : 31). *Sejarah Melayu* membahagikan adat-istiadat Melayu kepada dua bahagian, iaitu menerangkan tentang peraturan serta larangan terhadap masyarakat bukan istana dan upacara atau tatatertib dalam sesuatu keramaian di istana. Tatatertib ini meliputi segala bentuk kepercayaan adat dan agama, hal yang bersabit dengan protokol di istana, adat menjunjung duli dan lain-lain.

Sehubungan itu, peraturan-peraturan yang dibentangkan dalam kitab tersebut lebih merupakan larangan yang wajib dipatuhi oleh golongan rakyat dalam kehidupan sehari-hari. Larangan tersebut dilarang untuk diamalkan oleh golongan marhaen. Ini dapat dibuktikan seperti yang tertera dalam *Sejarah Melayu*:

... tiada dapat dipakai orang keluaran ... melainkan kain, baju dan destar ... Raja membuat ketetapan dan peraturan pada semua benda yang berwarna kuning menjadi hak raja dan rakyat biasa dilarang menggunakanannya dan memakai semua benda yang berwarna kuning. Dalam peraturan membuat rumah, rakyat biasa juga dilarang membuat rumah yang mempunyai anjung serta serambi bertiang gantung. Rakyat biasa dilarang membuat rumah yang mempunyai tiang yang terus dari atap dan menganjur ke tanah. Peraturan juga dikenakan dalam membuat perahu, di mana rakyat biasa dilarang membuat perahu bertingkap yang menghala ke hadapan. Dalam menggunakan keris, rakyat biasa dilarang menggunakan keris yang mempunyai sarung yang diperbuat daripada emas atau perak. Mereka juga dilarang menggunakan ‘teterapan keris’ iaitu keris yang mempunyai tempat kosong di tengah-tengahnya. Kononnya, keris tersebut lebih bisa daripada keris biasa.

(A. Samad Ahmad, 1979 : 70)

Begini juga dengan upacara yang dilengkapi protokol tertentu seperti adat menerima utusan-utusan yang datang dari luar. Sambutan lebih meriah diberikan kepada utusan yang datang dari negeri lebih tinggi darjatnya, sedangkan negeri-negeri yang tidak begitu ternama hanya diberi sambutan sederhana sahaja. Contoh lain adalah seperti adat menganugerah, perkahwinan, pengkebumian dan sebagainya. *Misa Melayu* karangan Raja Chulan banyak menyelitkan adat istiadat dalam kehidupan diraja Perak. Menurut Ali Ahmad, “terasa benar bahawa kehidupan diraja Perak amat menekankan adat-istiadat,

bukan sahaja melibatkan tenaga dan masa ahli-ahli daripada keluarga diraja, tetapi juga kehidupan rakyat jelata (Ali Ahmad, 1987 : 89). Adat-adat yang digambarkan adalah seperti adat bertindik, berinai, perkahwinan, adat istiadat pertabalan, adat melenggang perut dan sebagainya.

Misa Melayu memaparkan adat bertindik ke atas Raja Budak Rasul. Peristiwa bertindik bagi rakyat hanya mengambil masa yang singkat, tetapi bagi keluarga diraja upacara ini mengambil masa sehingga lebih kurang tujuh malam. Raja akan menyuruh para pembesar keluar ke serata pelusuk negeri untuk berlengkap dan setelah tiba masanya akan berkumpul di Berahman Indera. Pada malam permulaan aktiviti berjaga-jaga, dipasang semboyan sembilan kali diikuti dengan paluan gendang, gong, serunai, nafiri, harbab, dan bangsi biola. Segala biduanda menyanyi dan rakyat bermain mengikut kepandaian masing-masing. Beberapa adat lagi dilakukan sehinggalah setelah diarak tujuh kali sekeliling kota, di arak masuk dan dimandikan dengan air yang juga diarak. Kemudian barulah upacara bertindik dilakukan. Begitulah hebatnya adat bertindik diraja Perak yang penuh dengan kebesaran dan kemeriahinan.

Bustan al-Katibin memaparkan bagaimana adat istiadat diraja dalam meraikan majlis perkahwinan di antara Sultan Iskandar Thani dengan Puteri Seri Alam Permaisuri. Gambaran di bawah memperlihatkan bagaimana indahnya istana dihias pada masa itu:

Syahdan Raja Iskandar muda pun menitahkan orang berjaga-jaga dua kali tujuh (hari) seperti adat segala raja-raja. Setelah itu maka mahligai yang bernama Peratna Sembah pun dihiasi oranglah dengan beberapa tirai dibaja yang berpakankan emas, dan daripada langit zurbaf yang berpakankan emas, dan beberapa ulas tiang-tiang daripada zarzari dan dewangga dan katifah ‘ainul banat dan beberapa daripada payung emas yang bertatahkan yakud, dan zamrud, dan zabarjud dan beberapa hamparan dariapada pemaidani yang berpakankan kasab Rumi, dan beberapa bantal saraga daripada emas bertatahkan beberapa yakud dan zamrud dan pirus dan beberapa mutiara dan beberapa permata pudi ...’

(Bustanus Salatin, 1966 : 37)

Sesungguhnya penetapan peraturan dan larangan-larangan ini dapat menjadi “satu kebiasaan yang diiktiraf oleh masyarakatnya sehingga kemudian menjadi satu bentuk undang-undang Melayu Lama”. Justeru penglahiran adat-istiadat telah menjarakkan lagi jurang antara raja dan rakyat mengikut kasta-kasta tertentu kerana cara ini dapat menggembirakan raja agar kedaulatan dan ketinggian statusnya sentiasa terpelihara. Tambahan pula, baginda amat berharap agar adat-istiadat ini dapat terus diamalkan oleh keturunannya pada masa akan datang agar kesucian keluarga diraja dapat dikekalkan. Fenomena ini membawa penciptaan karya historiografi demi memenuhi tuntutan tersebut. Secara tidak langsung, rakyat sebagai golongan yang diperintah mengetahui kedudukan mereka dari segi adat-istiadat. Justeru, ia dapat mananamkan sifat kepatuhan terhadap jurang pemisah yang diwujudkan. Raja sebagai pemerintah terus berbangga dengan penerusan adat-istiadat yang seolah-olah meletakkan mereka ke dalam golongan istimewa yang perlu dimuliakan.

h) Perpaduan Antara Kaum

Kepesatan pola penduduk digunakan oleh pengarang sebagai bahan yang mampu menyukakan hati rajanya. Tambahan pula, kepesatan pertumbuhan penduduk ini disebabkan oleh kedatangan bangsa asing seperti Arab, Parsi, India, China dan sebagainya di Alam Melayu ini. Fenomena ini diperkuatkan apabila perpaduan wujud antara masyarakat berbilang kaum yang seterusnya mencerminkan kemajuan pentadbiran sosial negara. Gambaran penduduk melambangkan kebijaksanaan dan keagungan sultan sebagai pemerintah yang adil dan saksama sehingga mampu menarik kedatangan bangsa asing ini untuk berhijrah dan menetap di sebuah negara kota selain tujuan berdagang.

Bukti yang jelas diperoleh daripada kandungan Sejarah Melayu. Menurut Tome Pires, bilangan penduduk Melaka semakin bertambah akibat kemasukan rakyat bangsa asing. Penduduk ketika pembukaan Melaka adalah seramai 1,000 orang kepada 6000 semasa kemangkatan Raja Iskandar Syah. Melaka dianggarkan mempunyai penduduk seramai 40,000 orang yang terdiri dari pelbagai kaum semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah dan meningkat kepada 190,000 pada zaman Sultan Mahmud Syah (Haron Daud, 1989 : 67). Menurut Tome Pires lagi, bilangan ini hanya meliputi penduduk Melaka sahaja, tidak termasuk penduduk di bawah naungan dan jajahannya. Malahan penghijrahan bangsa asing ini telah merencamkan lagi sifat keturunan rakyat Melaka. Etnik Tamil Muslim merupakan etnik terbesar di Melaka. Tambahan pula, etnik ini berkesinambungan dengan Raja Melaka dan melahirkan beberapa tokoh ternama seperti Bendahara Seri Maharaja, Tun Tahir, dan sebagainya.

Kedatangan Arab menambahkan lagi bilangan etnik dan komuniti Melaka. Kebanyakan dari mereka merupakan para alim ulama dan pedagang seperti Maulana Abdul Aziz, Maulana Yusof, dan Sadar Jahan. Kebanyakannya berperanan sebagai para ulamak yang akhirnya mengizinkan mereka mengahwini wanita tempatan. Etnik lain yang menjadi komuniti Melaka adalah golongan Parsi-India Utara. Haron Daud berpendapat bahawa golongan ini bebas bergaul dengan penduduk peribumi sehingga berjaya memperolehi beberapa jawatan penting dalam masyarakat. Etnik ini sering mendapat gelaran Khoja. Contohnya pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud, terdapat individu daripada golongan ini seperti Khoja Hassan yang menjadi Laksamana Sultan.

Orang-orang keturunan etnik Cina juga merupakan etnik teramai di Melaka. Fenomena ini berkait dengan hubungan Melaka-China yang wujud sejak zaman Sultan Mansur Syah lagi terutamanya apabila baginda berkahwin dengan puteri dari negara China tersebut. Namun begitu, laporan lain menyatakan bahawa perhubungan tersebut telah berlaku lebih awal, iaitu pada zaman Raja Iskandar Syah (*Sulalatus Salatin* : 125). Menurut catatan Dinasti Ming, keturunan Melayu-Cina ini dikatakan "... their hair in a knot (tocang) but some are lighter colour; being descendants of Chinese" dan kemudiannya keturunan ini dikenali sebagai masyarakat Baba dalam kelompok masyarakat moden (Haron Daud, 1989 : 72).

Masyarakat berbilang bangsa di Melaka turut sama direncamkan dengan kehadiran penduduk Melayu Nusantara sendiri, terutamanya daripada negeri-negeri di bawah naungan Melaka. Gambaran tentang komitmen yang ditunjukkan oleh komuniti ini dalam peristiwa pembinaan semula istana Sultan Mansur Syah. Lebih membanggakan lagi, masyarakat berbilang bangsa ini menggunakan satu bahasa sebagai medium pertuturan dan interaksi sesama mereka. Keperluan pada satu bahasa begitu mendalam apabila wujud perkahwinan, persahabatan, pengajian dan perdagangan antara kaum-kaum tersebut. Senario ini meletakkan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di Melaka dan seluruh Nusantara.

Masyarakat berbilang kaum ini juga ditemui dalam *Hikayat Raja Pasai* melalui hubungan jual beli dengan para pedagang India yang singgah di Pasai. Malangnya, hubungan tersebut tidak diterangkan dengan jelas dalam karya historiografi tersebut. Natijahnya, perpaduan antara kaum ini menggambarkan kejayaan seseorang raja membangunkan negeri pilihannya terutamanya dengan kedatangan pelbagai kaum yang tinggal bermastautin. Secara tidak langsung, rakyat berpeluang untuk berkomunikasi, menemui satu pengalaman baru bergaul dengan masyarakat pelbagai etnik yang berbeza adat, keturunan dan agama.

i) Memaparkan Keagungan Negara Kota

Penulisan karya historiografi adalah untuk mengangkat dan memaparkan keagungan negara kota. Negara yang lemah menyebabkan raja, pembesar dan rakyat jelatanya dipandang hina oleh negara kota yang lain. Sehubungan itu, pengarang sastera sejarah menggunakan daya kreatifnya bersandarkan realiti zaman tersebut untuk mengupas serta mengungkap persoalan di atas agar tidak terkubur begitu sahaja tanpa catatan. Kegemilangan negara kota sebagai sebuah empayar yang besar dapat dilihat dalam *Sejarah Melayu* khasnya dalam menyatakan kemasyhuran Melaka. Melaka dikatakan telah menjalinkan hubungan dengan negara-negara luar seperti China, Majapahit, Siam, dan sebagainya pada zaman Sultan Mansur Syah. Dalam hubungan diplomatik ini sebenarnya tersirat beberapa fungsi tertentu yang mampu meletakkan Melaka ke persada tertinggi daripada negeri-negeri tersebut.

Pengarang sengaja meletakkan kisah hubungan politik Melaka dengan negara serantau semata-mata untuk memperlihatkan keagungan Melaka itu sendiri. Hubungan diplomatik dengan Majapahit terjadi lantaran puteri daripada negeri tersebut telah dikhawini oleh Sultan Mansur Syah. Manakala hubungan dengan China pula terjalin kerana perkahwinan baginda dengan Puteri Hang Li Po. Raja China sendiri mengakui kebesaran dan kedaulatan Raja Melaka. Menafikan kedaulatan dan keagungan ini bermakna menempah malang atau musibah kepada Raja tersebut. Fenomena ini dapat dilihat apabila Raja China mengalami ketulahan (penyakit kedal) akibat disembah oleh Raja Melaka yang berkirim surat kepadanya (*Sulalatus Salatin* : 127).

Siam yang selalu mengganggu ketenteraman Melaka tewas di tangan Tun Perak di Pahang dan Batu Pahat. Malah hubungan kedua negara kota ini pulih hasil kebijaksanaan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera (Ibib, hal. 103). Keagungan empayar Melaka sebagai sebuah kerajaan Islam terbukti apabila Raja Kedah yang telah memeluk Islam datang ke Melaka minta dinobatkan pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Melaka juga dipertonjolkan sebagai sebuah pusat perdagangan utama kerana menjadi tempat persinggahan para saudagar dari India, Arab, China, dan serata dunia. Pengarang meletakkan Melaka sebagai pusat peniagaan dan perdagangan sejak zaman Raja Kecil Besar kerana terdapat berbagai-bagi bentuk perahu dan tongkang. Malah, pada zaman Sultan Mahmud dikatakan Melaka begitu terkenal di kalangan para pedagang kerana kebijaksanaan Tun Mutakhir mengendalikan hal-hal perdagangan sehingga bandar Melaka dikatakan begitu sesak dan padat dengan aktiviti perniagaan. Secara tidak langsung, kisah Tun Hassan Temenggung merentang tali dan merobohkan kedai yang melebihi had kawasan menggambarkan banyaknya kedai di Melaka. (Ibid, hal. 193).

Walau bagaimanapun, pengarang *Sejarah Melayu* cuba menjatuhkan maruah negara lain secara halus dan meletakkan empayar Melaka sebagai sebuah negara kota yang terbaik di Nusantara ini. Dengan memasukkan kisah pengislaman Pasai serta beberapa kisah lain tentang negeri tersebut, pengarang berjaya memperlihatkan sesuatu yang berlainan

daripada teks asal, iaitu *Hikayat Raja Pasai*. Unsur yang sama dapat disaksikan dalam peristiwa pengislaman Sultan Malikul Salleh. *Hikayat Raja Pasai* menerangkan Pasailah negeri pertama yang diislamkan di bawah angin ini. Merah Silu diislamkan oleh Nabi, manakala rakyat oleh Syeikh dari Mekah. *Sejarah Melayu* menyatakan sebelum Syeikh Ismail tiba ke Pasai dan mengislamkan Merah Silu yang sedang mencari karang di pantai, beberapa buah negeri lain seperti Fansuri dan Haru telah diislamkan. Pengarang membawa Nabi masuk ke dalam mimpi Merah Silu dan Raja Kecil Besar demi menyatakan bahawa raja-raja ini diislamkan oleh Nabi sendiri, walaupun dalam mimpi.

Pengarang *Sejarah Melayu* sekali lagi menjatuhkan maruah dan martabat negara lain menerusi peristiwa Raja Pasai yang ditawan Siam sehingga dijadikan penggembala ayam. Sebaliknya, pengarang *Hikayat Raja Pasai* mencatatkan keagungan rajanya dengan memperlihatkan kegagahan pemerintah tersebut kerana berjaya menaikkan semangat angkatan Pasai dan mampu mengalahkan angkatan Siam. Ini dapat menjelaskan pendirian pengarang teks masing-masing untuk mengangkat martabat raja dan negara kota masing-masing mengatasi kerajaan lain di Nusantara. Realitinya, pengarang *Sejarah Melayu* meletakkan Melaka sebagai sebuah negara kota yang tertinggi di rantau ini. Pasai dipandang tidak lebih dari negara biasa yang boleh diancam kuasa besar malah rajanya tidak sedaulat Raja Melaka sehingga boleh ditawan dan direndahkan kedudukannya (Sweeney, 1967 : 268-279).

Berdasarkan hujah di atas, terbukti bahawa penulisan sesebuah karya historiografi Melayu tradisional adalah untuk menggembirakan hati ‘*Duli Tuanku*’ menerusi peristiwa-peristiwa yang digambarkan. Fenomena ini berlaku sejarah dengan kesetiaan waadat antara Seri Teri Buana dan Demang Lebar Daun yang seterusnya mewujudkan jurang pemisah antara rakyat dengan pemerintah. Konsep taat kepada raja membawa kepada prinsip “daulat” dan “derhaka” sehingga terbentuk satu kepercayaan mistik terhadap Raja sebagai golongan pemerintah. Rakyat dilarang melanggar “daulat” raja. Sesiapa yang berani menggugat daulat tersebut hanya mengundang kecelakaan dan kesengsaraan dalam hidup. Sehubungan itu, pengarang karya historiografi Melayu terpaksa mengolah peristiwa yang berlaku dengan kreativitinya demi menyukarkan hati raja melalui kisah yang dapat membanggakan diri raja, keluarga dan kerajaan baginda.

Sindir dan Protes

“Anak Melayu Pantang Derhaka”. Sebagai seorang rakyat yang arif menjalankan tanggungjawabnya, pengarang karya historiografi Melayu tidak akan berdiam diri jika berhadapan dengan sebarang penyelewengan. Penulisan dijadikan sebagai alat untuk mengkritik golongan yang menyanjung feudalisme. Walau bagaimanapun, mengkritik golongan atasan dan pemerintah secara terang-terangan bermakna menempah maut. Sehubungan itu, simbolisme digunakan demi menyatakan ketidakpuasan hati pengarang sebagai mewakili luahan masyarakatnya.

Sejarah Melayu membuktikan kekreatifan Tun Seri Lanang mengkritik raja-raja Melayu Melaka yang zalim dan kejam. Tragedi bermula pada zaman Melayu Singapura seperti pembunuhan Tun Jana Khatib oleh Paduka Seri Maharaja atas alasan cemburu walaupun pesalah berada di pihak yang benar. Sehubungan itu, pengarang meletakkan bala penyerangan ikan todak sebagai balasan ke atas ketidakadilan tersebut. Raja meminta rakyat berkubukan betis sehingga menyebabkan ramai rakyat terkorban. Nyata, pengarang menggambarkan rakyat sebagai “hamba kerahan” dan bahan eksperimen raja dalam

menangani sebarang permasalahan negara. Kemunculan seorang kanak-kanak cerdik berjaya menyelesaikan masalah buat sementara. Malangnya, kepintaran budak tersebut telah menerbitkan rasa iri hati di kalangan pembesar sehingga menyebabkan kematianya.

Penerapan tragedi ini mengikut kekreatifan Tun Seri Lanang membawa motif-motif tertentu, iaitu menyindir Raja-raja Melayu secara halus pada zaman tersebut. Peristiwa serangan todak membuatkan kita dapat menilai sikap raja Singapura yang sebenarnya. Baginda adalah seorang yang mudah dipengaruhi, suka bertindak terburu-buru tanpa menjalankan penyiasatan rapi. Hukuman bunuh adalah sebagai “ganjaran” daripada baginda sultan kepada kanak-kanak yang berjasa meyelamatkan ribuan nyawa tanpa lahir belas ehsan sebagai manusia. Secara tidak langsung, budak cerdik ini muncul sebagai simbol suara rakyat jelata yang tidak berkesempatan menyuarakan pendapat. Scenario ini menguatkan hujah ketiadaan demokrasi pada zaman feudalisme. Oleh itu, pembalasan di atas kekejaman raja tersebut menyebabkan Raja Singapura dikalahkan oleh Majapahit apabila Sang Rajuna Tapa belot kepada kerajaan kerana dendam atas kematian anaknya secara aib oleh Raja Iskandar Syah tanpa pembelaan.

Peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang adalah sebagai sindiran kepada raja yang kuat nafsu seksnya tanpa mengira bangsa jin atau mahkluk halus. *Sejarah Melayu* memperlihatkan sindiran yang sangat tajam melalui seloka dan pantun oleh bunga-bunga di kaki Gunung Ledang itu. Setelah segala syarat peminangan yang aneh disampaikan kepada Sultan Mahmud, baginda tetap mempersetujuinya walaupun terpaksa menyediakan jambatan emas dan perak dari Melaka ke Gunung Ledang, hati nyamuk tujuh dulang serta air mata dan air pinang muda setempayan. Tetapi apabila dikehendaki mengeluarkan darah Raja Ahmad semangkuk, Sultan Mahmud tidak dapat mengabulkannya.

Oleh itu, fenomena ini membuktikan kepada kita bahawa walaupun syarat-syarat tersebut amat berat untuk dilaksanakan, tetapi tetap dipersetujui oleh Sultan Mahmud Syah kerana rakyat yang akan menjadi korban bagi memenuhinya. Namun, apabila kepentingan dan keselamatan keluarga dirajanya terjejas, baginda Sultan terpaksa membatalkan segala niatnya. Sesungguhnya, peristiwa ini merupakan sindiran kepada Sultan Mahmud yang bernafsu buas terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira isteri atau tunangan orang. Buktinya, Tun Dewi dan isteri Tun Bajid yang telah menjadi mangsanya. Malahan, Tun Teja dan Tun Fatimah juga terpaksa akur kepada kehendak nafsu Sultan Mahmud Syah. Begitu juga dengan kisah Raja Bersiung dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kisah yang diambil daripada cerita Jataka ini dianggap dapat menyembunyikan tujuan sebenar pengarang untuk mengkritik raja-rajanya yang zalim dalam jurai keturunan diraja Kedah (Ali Ahmad, 1987 : 98). Kezaliman Raja Pra Ong Maha Perita Deria terbukti apabila baginda memakan darah dan hati hamba rakyatnya. Akibatnya siung baginda tumbuh sebagai simbol kezaliman baginda .

Pengarang *Hikayat Banjar* memaparkan kezaliman raja melalui pembunuhan Dayang Diparaja agar anak yang dikandungnya dapat dijodohkan dengan sultan yang memerintah. Malah perkahwinan antara Puteri Kalungsu dengan anaknya Ki Mas Lalana dalam karya historiografi ini menyindir raja bahawa mereka juga mempunyai sifat-sifat kelemahan tersendiri. Walaupun peristiwa ini sangat memalukan, tetapi pengarang berjaya mengolahnya sehingga pemerintah tidak terasa sebagai suatu kelemahan yang mengaibkan.

Oleh itu, tujuan pengarang sastera sejarah untuk menyindir kekejaman yang dilakukan oleh raja-rajanya terlaksana menerusi gaya penulisan seperti di atas. Kejayaan pengarang terbukti apabila cerita-cerita itu tidak dipersoalkan kebenarannya oleh sesiapa. Raja tetap menganggap cerita ini sebagai kisah untuk memuji kedaulatan dan kegemilangan pemerintahannya, manakala rakyat menganggapnya sebagai satu cerita yang

benar. Natijahnya, sindiran ini tetap tersembunyi dan tiada siapa yang sedar serta mahu memperdebatkan kesahihannya.

Pengajaran dan Pedoman

Pada antara itu, ada seorang orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar daripada yang lain. Maka berkat ia kepada fakir, “Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya ...”

“... beta minta perbuatan hikayat pada Bendahara...supaya diketahui anak cucu kita, yang kemudian daripada kita, didingatkannya oleh mereka, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya ...”

(*Sulalatus Salatin* : 2-3)

Sejarah Melayu membuktikan betapa pengarangnya amat menekankan frasa “supaya beroleh faedah daripadanya” sehingga diungkap berulang kali sebagai tanda penekanan. Tujuannya adalah supaya para pembaca karya historiografi ini tidak alpa dan menjadikan segala peristiwa yang tertera di dalamnya sebagai teladan dan sempadan. Karya historiografi Melayu bertujuan untuk memberikan nasihat dan pengajaran kepada generasi akan datang selain berperanan sebagai laporan sejarah bangsa. Isi kandungan *Syair Sultan Maulana* lebih merupakan sebuah “pelita” untuk memberi keterangan, petunjuk, bimbingan, pengajaran, dan panduan kepada pihak yang membacanya seperti petikan “Segala kisah yang disuarah, Seperti pelita yang amat cerah” (*Syair Sultan Maulana* : 151).

Melalui pembacaan karya sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan sebagainya, generasi masa kini akan dapat mengambil iktibar di atas segala yang berlaku pada masa lalu. Sesuatu perkara yang baik akan terus dibanggakan dan dijadikan teladan, manakala yang buruk diingati selalu serta dijauhi daripada berulang kembali.

Sesungguhnya, peristiwa-peristiwa alegori seperti peristiwa penyerangan tidak dalam *Sejarah Melayu* adalah sebagai petanda kepada kejatuhan sesebuah kerajaan. Kekejaman raja yang memerintah menyebabkan rakyat hilang rasa hormat dan hidup dalam ketakutan. Akhirnya, Allah s.w.t. menurunkan musibah yang membawa kehancuran kepada sesebuah kerajaan malah kepada raja sebagai pemerintah sendiri. Nasib yang sama menimpa Sultan Mahmud Syah akibat kezaliman dan sikap terlalu mementingkan diri tanpa mempedulikan hak rakyatnya. Baginda sanggup melakukan apa sahaja asalnya tuntutan nafsu serta nalurinya dipenuhi. Tambahan pula, Melaka pada masa itu berbaur rasa penghargaan dan kesetiaan yang telah ternoda; rasuah berleluasa dan negara dilanda pelbagai masalah dalam akibat kurangnya disiplin di kalangan golongan bangsawan dan rakyat.

Kerajaan Sultan Ahmad dalam *Hikayat Raja Pasai* hancur di tangan Majapahit akibat rajanya terlalu mengikutkan nafsu. Sultan Ahmad berahi terhadap puteri-puterinya sendiri sehingga sanggup membunuh putera baginda Tun Beraim Bapa dan Tun Abdul

Jalil. Melalui peristiwa-peristiwa ini, pengarang mengingatkan bahawa sifat adil haruslah wujud dalam diri seseorang raja. Raja wajib melengkapkan diri dengan ajaran agama secara kukuh agar dapat menghindari diri daripada melakukan perkara yang ditegah oleh agama. Peristiwa raja daripada kerajaan besar melarikan diri setelah negerinya dijajah haruslah dielakkan daripada berulang kembali.

Sebagai seorang pembesar negeri, sikap taat dan setia perlu wujud dalam diri. Watak Tun Perak dan Hang Tuah dalam *Sejarah Melayu* membuktikan kebenaran ini bahawa kekuatan negara bergantung kepada kebijaksanaan para pembesarnya. Oleh itu, ikatan persefahaman antara mereka harus wujud untuk menjamin situasi tersebut berkekalan. Rakyat dalam sesebuah negara memainkan peranan penting dalam memelihara keagungan raja. Tanpa rakyat, raja tidak akan mendapat gelaran dan kekuasaan sedemikian rupa. Malah, rakyat juga memainkan peranan dalam menjamin keteguhan ekonomi negara. Ekonomi negara tidak dapat berkembang jika tidak berlaku jual beli antara rakyat dan pedagang asing. Perpaduan antara rakyat berbilang bangsa sangat penting agar negeri tetap aman dan makmur. Secara tidak langsung, keharmonian ini menjadi contoh kepada negeri-negeri lain. Hubungan politik tidak dapat diwujudkan jika tiada pahlawan dan para cendekiawan yang berkhidmat kepada raja.

Sesungguhnya, perpaduan antara raja, pembesar, dan rakyat amat perlu dalam menjamin keutuhan sesebuah kerajaan. Sekiranya tiada gabungan antara ketiga-tiga elemen ini, sesebuah negeri tidak akan dapat bangun sebagai empayar yang boleh dibanggakan malah akan jatuh ke tangan golongan yang sentiasa mencemburi kejayaannya. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa pengarang menggunakan karya-karya historiografi ini untuk menyalurkan segala pengajaran dan nasihat. Secara tidak langsung, masyarakat kini dan akan datang boleh berbangga dengan hasil sejarah nenek moyang serta mengambil iktibar daripada segala permasalahan yang disingkap. Raja Ali Haji menegaskannya dalam *Tuhfat al-Nafis*:

... kelak siapa-siapa daripada anak cucuku hendak menghubungkan siarah ini, maka patutlah, akan tetapi dengan jalan yang patut dan dengan ibarat perkataan yang wadha' dan sah serta aturan yang patut serta benar supaya terpakai ...

(Tuhfat al-Nafis : 370)

Pembuktian

Sesebuah karya historiografi amat penting sebagai bukti kepada masyarakat luar bahawasanya bangsa Melayu mempunyai cerdik pandainya sendiri yang mampu mengarang sebuah karya dalam memperlihatkan kisah kegemilangan masyarakat zamannya. Sesungguhnya, para sarjana Barat yang terdiri daripada golongan kolonial menganggap bangsa Melayu sebagai bangsa yang bodoh dan tidak mempunyai nilai sejarahnya sendiri. Mereka membuat anggapan sedemikian tanpa muhu memperhitungkan corak pemikiran masyarakat tatkala itu. Oleh itu, dengan wujudnya beberapa karya historiografi dalam dunia epistemologi Melayu tradisional, terbuktilah keunggulan bangsa Melayu sebagai bangsa yang bertamadun, bijaksana dan bernilai murni.

Karya sastera sejarah ini juga mampu membangunkan kembali pembentukan sesebuah negara. Maruah Pasai sebagai sebuah negara Islam tetap terpelihara dalam *Hikayat Raja Pasai*. Walaupun Pasai dapat dikalahkan oleh Majapahit tetapi dalam episod

terakhir, Majapahit dikalahkan oleh Pulau Perca melalui pertandingan lawan kerbau. Oleh itu, pengarang Hikayat Raja Pasai membela maruah negaranya dengan menghukum kebiadaban Majapahit melanggar Pasai (Ali Ahmad, 1980 : 47). Menurut Ali Ahmad lagi, kebiadaban Majapahit terbalas melalui episod terakhir dan secara halus mampu mengangkat Pasai sebagai sebuah negara Islam yang bermaruah. Jadi, apabila hikayat ini dibaca oleh generasi Pasai kini atau akan datang, mereka tidak akan berasa sedih di atas kekalahan nenek moyang mereka, sebaliknya mengambil iktibar di atas segala yang berlaku. Pengarang memperlihatkan keintelektualan dan kekreatifannya dalam mengolah isi cerita demi membangkitkan semangat anak-anak bangsanya yang terkemudian daripada zaman penulisan teks itu. Ini juga bertepatan dengan terciptanya *Hikayat Patani* dan *Syair Perang Mengkasar* yang masing-masing menuntut semula kegemilangan dinastinya melalui penulisan setelah lenyap dirampas oleh Siam dan Belanda.

Tujuan pengajaran dan pembuktian yang cuba ditonjolkan oleh pengarang dapat dicapai jika disandarkan kepada Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara dewasa ini. Kebanyakannya menjadikan situasi tersebut sebagai sumber semangat untuk terus bangun dan bersaing dengan negara-negara Barat yang sentiasa cemburu dengan keharmonian rantau ini. Sesungguhnya, mempelajari kesilapan lalu penting demi menjamin kecemerlangan hari esok.

Kesimpulan

Karya-karya historiografi ini sesungguhnya merupakan khazanah paling berharga bagi masyarakat masa ini. Sehubungan itu, para penjajah menggunakan untuk mengetahui pemikiran dan kebudayaan bangsa Melayu. Tidak mustahil jika mereka kembali menjajah rantau ini sekiranya bangsa Malaysia terus alpa dengan kemakmuran dan kemajuan negara. Tambahan pula jika mereka telah mengetahui “akar” kelemahan kita sebagai “manusia Melayu”. Oleh itu, tujuan dan matlamat yang diselitkan oleh pengarang karya historiografi ini perlu direnung dan difikir supaya peringatan ini tidak menjadi sia-sia atau dianggap omongan kosong sahaja.

Justeru, bangsa Melayu harus berbangga dengan keupayaan pengarang-pengarang karya sastera sejarah yang mampu mencatatkan segala peristiwa tersebut dengan lancar dan baik. Mereka dianggap mendahului zaman kerana kebijaksanaan dan keintelektualan yang membanggakan, sehingga mampu menghasilkan sesuatu untuk generasi yang akan datang sebagai bahan bukti yang tidak dapat disangkal kesahihannya. Seterusnya, bangsa Melayu dapat diiktiraf sebagai bangsa yang intelek dan berwawasan setanding dengan masyarakat antarabangsa.

Rujukan

Al Quran

Ali Ahmad. 1980. “Menghayati Semula Teks Melayu Klasik”. Dewan Sastera. Mei, hal. 45-50.

Ali Ahmad. 1987. Karya Sastera Bercorak Sejarah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- A. Samad Ahmad (peny). 1979. Sulalatus Salatin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. 1989. Sejarah Melayu: Satu Kajian dari Aspek Pensejarahan Budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harry Aveling. 1999. "Review: Muhammad Hj Salleh's Yang Empunya Cerita (The Mind Of The Malay Author)". *Malay Literature Journal*.
- Hsu Yun Tsiao. 1966. "Meninjau Sejarah Melayu dari Segi Nilaian Sejarah". *Dewan Bahasa*. Oktober, hal. 66-75.
- Jamilah Hj Ahmad (peny.). 1981. Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, Russel. 1987. *Hikayat Raja Pasai*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Matheson, V. (peny.). 1982. *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Muhammad Hj. Salleh. 1991. *The Mind Of The Malay Author (Yang Empunya Cerita)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Iskandar (peny.). 1980. *Syair Sultan Maulana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nuruddin Ar-Raniri. 1966. *Bustanus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Chulan. 1962. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ras, J. J (peny.). 1990. *Hikayat Banjar*. (Terj. Siti Hawa Hj. Salleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Hj. Salleh (peny.). 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Hawa Hj. Salleh. 1992. *Sebutir Pasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sweeney, P.L. 1967. "The Connection between the Hikayat Raja-raja Pasai and the Sejarah Melayu". *JMBRAS* 40, 2, hal. 268-279.
- Yusoff Iskandar. 1977. "Mitos dan Lagenda sebagai Unsur Penulisan Sejarah Melayu". *Dewan Bahasa*. Julai, hal. 469-488.
- Yusoff Iskandar & Abdul Rahman Kaeh. 1985. *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan dari Pelbagai Bidang*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.